

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.10.2024 MASA: 04.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MBSP SANTUNI
KOMUNTI & PENYERAHAN SANGKAR KITAR
SEMULA**

TARIKH / MASA / TEMPAT
20 OKTOBER 2024 (AHAD)
10.45 PAGI

**PERKARANGAN MASJID JAMEK KAMPUNG SEKOLAH
JURU**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Norhayati Binti Sulaiman

Pengarah Perhubungan Komuniti

Merangkap Program MBSP Santuni Komuniti

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Sabri Bin Kassim

Pengerusi JPKKP, Kampung Sekolah Juru

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Program MBSP Santuni Komuniti Madani dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula** di Perkarangan Masjid Jamek Kampung Sekolah, Juru.
2. Terlebih dahulu ucapan tahniah dan syabas kepada urusetia penganjur, Yang Berbahagia Datuk Mohd Noor Bin Ahmad, Ahli Majlis MBSP dan Jabatan Perhubungan Komuniti serta semua yang terlibat, kerana bertungkus lumus menganjurkan dan menjayakan program istimewa pada hari ni.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan program-program komuniti dalam kalangan penduduk Seberang Perai.
4. Program MBSP Santuni Komuniti Madani pada hari ini merupakan program yang kali kedua diadakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Ahli Majlis Kawasan bersama penduduk setempat. Program ini akan diadakan lagi pada bulan-bulan seterusnya di kawasan yang berlainan di Seberang Perai.

5. Tujuan program ini diadakan adalah untuk:-
 - i. memupuk semangat komuniti di kalangan penduduk setempat;
 - ii. mengeratkan hubungan silaturahim antara MPKK, MBSP dan penduduk setempat; dan
 - iii. mewujudkan perpaduan kaum yang harmoni dan dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain
6. Program ini mensasarkan penglibatan penduduk setempat seramai 500 orang. Di antara program dan aktiviti yang diadakan pada hari adalah:-
 - i. Pelbagai pertandingan kanak-kanak dan tradisional;
 - ii. Sesi taklimat oleh MBSP berhubung Pengasingan Sisa dan Kesedaran dalam Pencegahan Denggi,
 - iii. Pameran-pameran daripada agensi kerajaan dan swasta.
 - iv. Perkhidmatan Kaunter Bergerak MBSP.
 - v. Pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan mata dan Program *Wellness On Wheel*.
 - vi. Pameran kraf tangan oleh Asni Kraf
7. MBSP juga menyumbangkan satu unit sangkar kitar semula untuk di tempatkan di kawasan ini yang merupakan lokasi strategik yang

menjadi tumpuan orang ramai. Secara tidak langsung, ia menjadi satu kaedah untuk mendidik masyarakat menjalankan aktiviti kitar semula sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Dipunca yang mana aktiviti penguatkuasaan dasar ini telahpun bermula pada sejak Julai 2024.

8. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Mohd Noor Bin Ahmad Ahli Majlis MBSP kerana menghadiahkan set kerusi batu bagi tujuan kegunaan penduduk setempat dan pengunjung yang berkunjung di sini. Penyerahan set kerusi batu, adalah salah satu inisiatif bagi keselesaan orang awam untuk berehat atau bersantai serta mengukuhkan hubungan komuniti.
9. Akhir kata, saya berharap Program MBSP Santuni Komuniti Madani ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat kepada penduduk sekitar dan para pengunjung serta mewujudkan perpaduan kaum yang harmoni dan mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.
10. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap agar warga Seberang Perai akan terus menyokong program-program yang dianjurkan oleh pihak MBSP dari semasa ke semasa.
11. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz **Bismillahi Rahmanir Rahim**, merasmikan **Majlis Perasmian Program MBSP Santuni Komuniti Madani dan Penyerahan Sangkar Kitar Semula** ini.

Sekian. Terima Kasih

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh